



BAB

7


MESIN ARUS TERUS (A.T)

7.1 PENGENALAN KEPADA MESIN ARUS TERUS

Mesin elektrik arus terus terbahagi kepada dua iaitu motor arus terus (AT) dan penjana arus terus. Motor arus terus digunakan untuk menukarkan tenaga elektrik kepada tenaga mekanikal, manakala penjana arus terus pula adalah untuk menukarkan tenaga mekanikal kepada tenaga elektrik. Motor arus terus digunakan secara meluas kerana kawalan kelajuan yang mudah dan murah. Berbeza pula dengan penjana arus terus di mana penggunaannya adalah terhad kerana keadaan pepejal penerus. Perbezaan antara motor arus terus dan penjana arus terus dari segi arah aliran arus pula ialah bagi motor arus terus, arus anker I_a diterima oleh anker. Manakala bagi penjana arus terus, arus anker I_a dibekalkan oleh anker.


7.2 PEMBINAAN MESIN ARUS TERUS (A.T)

Secara amnya, mesin arus terus mesti mempunyai pemutar (rotor) atau lebih dikenali sebagai pemutar dan juga pemegun (stator) sepertimana dalam Rajah 7.1.



Rajah 7.1: Menunjukkan Rotor dan Stator.

Binaan asas bagi mesin arus terus (AT) juga ditunjukkan dalam Rajah 7.2 di bawah.



Rajah 7.2: Menunjukkan Binaan Asas bagi Mesin AT.

Pemutar yang juga lebih dikenali sebagai rotor adalah bahagian motor yang berputar dalam motor elektrik. Ia berada di tengah-tengah motor iaitu di tempat pemasangan aci. Pemegun atau lebih dikenali sebagai stator ialah bahagian pegun yang